

Bil. 63

**Selasa
11 November 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

langsung ini. Jadi, saya ingin tahu apakah sebab-sebab lesen ini dibekukan?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah membekukan sementara pengeluaran lesen jualan langsung kepada syarikat baru bagi membolehkan siasatan dibuat terhadap pelan pemasaran dan menentukan tidak ada perlanggaran akta dan syarat-syarat lesen. Di samping itu kementerian ini juga sedang mengkaji semula kriteria perlesenan dari syarikat jualan langsung dan juga Akta Jualan Langsung 1993.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dari 1 Januari 1997 hingga 1 November 1997 sebanyak 12 syarikat jualan langsung telah diambil tindakan dengan hasil nilai rampasan RM5,088 dan kompaun yang dikutip adalah sebanyak RM13,500 dan denda adalah RM7,000. Sebanyak 5 syarikat telah ditamatkan lesennya oleh kementerian ini kerana menjalankan pelan pemasaran yang mempunyai unsur-unsur skim cepat kaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 9, 10 dan 15 hingga 35 dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE
DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN
SAUDAGAR (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan itu tidak terang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat datang lewat. *[Ketawa]* Ya, baiklah.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
1998**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis." **[Hari Ketiga]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Jadual] -
Maksud P.14 dan P.16 [Anggaran
Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sila sambung.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung semula penggulangan kementerian ini yang bermula pada petang semalam.

Saya minta izin kalau ada perkara-perkara yang saya ulangi pada hari ini oleh kerana terdapat kekeliruan dan mungkin salah faham apa yang saya sebutkan pada petang semalam.

Pertamanya, saya dukacita kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak ada di sini, walaupun dia yang membawa perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak lari macam Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan - saya tidak lari. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Jawab! Jawab!